

SULIT

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**HIT521 - Kajian Sumber Dan Keaslian Hadith**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab **SATU (1)** soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C. Jika calon menjawab lebih daripada **TIGA (3)** soalan hanya **TIGA (3)** soalan pertama sahaja mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Ilmu *takhrij al-hadith* sangat penting dalam memastikan sumber keaslian hadith. Berdasarkan kenyataan ini:

[a] Jelaskan takrif *takhrij* daripada sudut bahasa dan istilah.

[20 markah]

[b] Bincangkan perbezaan antara istilah *ikhraj*, *istikhraj* dan *takhrij*.

[60 markah]

[c] Jelaskan contoh bagi istilah *istikhraj* ke atas *Sahih al-Bukhari*.

[20 markah]

2. Kitab-kitab sumber rujukan dalam *takhrij* terbahagi kepada tiga kategori, iaitu rujukan asal (*al-masdar al-asli*), separa asal (*shibh al-asl*) dan bukan asal (*ghayr al-asl*). Berdasarkan kenyataan tersebut, bincangkan:

[a] Perbezaan antara ketiga-tiga kategori sumber tersebut berserta contoh untuk setiap satu.

[50 markah]

[b] Bagaimana menulis rumusan *takhrij* yang diambil daripada sumber rujukan asal dan separa asal.

[50 markah]

Bahagian B

3. Kesilapan menentukan perawi dalam *takhrij al-hadith* memberi kesan terhadap penilaian status hadith. Berdasarkan kenyataan tersebut, bincangkan:

[a] Keperluan *dirasah al-asanid* untuk mengenalpasti biodata perawi yang terdapat pada *sanad* hadith.

[50 markah]

[b] Kaedah untuk merumuskan status perawi yang dinilai secara berlainan oleh tokoh-tokoh hadith daripada sudut *al-jarh wa al-ta'dil*.

[50 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

[a] Bincangkan kepentingan *al-il'tibar* dalam mengesan *mutabi'at* dan *syawahid* dalam proses *takhrij al-hadith*.

[50 markah]

[b] Bincangkan perbezaan antara kaedah menilai hadith berdasarkan *sanad* dan *matan* dengan kaedah menilai hadith berdasarkan *sanad* sahaja berserta contoh untuk setiap satu.

[50 markah]

Bahagian C

5. Bandingkan antara manhaj *takhrij al-'Iraqi* dalam *al-Mughni 'an Hami al-Asfar* dengan al-Sakhawi dalam *al-Maqasid al-Hasanah*.

[100 markah]

6. Shu'aib al-Arna'ut antara pakar *takhrij al-hadith* kontemporari. Berdasarkan kenyataan tersebut, huraikan:

[a] Latar belakang keilmuan beliau dalam *takhrij al-hadith*.

[20 markah]

[b] Manhaj beliau dalam menilai hadith.

[40 markah]

[c] Manhaj beliau dalam mentakhrij hadith *Musnad Ahmad*.

[40 markah]